

Pelajar UMP lapor diri dalam kenderaan

Berita Harian (Nasional) 10/5/2020 (Isnin) 01/5/14



Muhammad Nur Mirza dan Muhammad Nur Izzat (kanan) menunjukkan surat tawaran ke UMP kepada ibu, Sharimah Ali Man pada hari pendaftaran di UMP Gambang, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Kuantan: Pasangan kembar lelaki seiras antara 822 penuntut Program Diploma Sesi Akademik 2020/2021 **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** yang mendaftar masuk pusat pengajian tinggi berkenaan, kelmarin.

Pendaftaran secara pandu lalu yang kali pertama diperkenalkan itu bermula jam 9 pagi dan selesai kira-kira lapan jam kemudian dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata sesi pendaftaran norma baharu itu dibuat dengan hampir semua proses dilakukan dalam kenderaan bagi mengelak

kesesakan.

Beliau berkata, selepas selesai urusan pendaftaran, penuntut dihantar ke asrama tanpa dibantu keluarga, selain pematuhan SOP seperti penjarakan fizikal, penggunaan pelitup muka dan pembasmi kuman sentiasa diberi perhatian bagi mengelak sebarang kemungkinan.

"Sesi pertama pendaftaran diadakan pada 1 Ogos lalu memabitkan 252 penuntut dan selebihnya iaitu 570 penuntut semalam (kelmarin). Proses berkenaan berjalan lancar tanpa banyak menimbulkan masalah.

"Semua penuntut sudah membuat pengesahan dan pendaftaran secara dalam talian pada 20 hingga 25 Julai lalu bagi melancarkan

pergerakan penuntut serta mematuhi SOP ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, pematuhan SOP yang dilakukan UMP diharap dapat mencegah penularan COVID-19 selepas wabak berkenaan menular dalam negara.

Sementara itu, pasangan kembar Muhammad Nur Mirza Mat Hassan dan Muhammad Nur Izzat, 18, gembira kerana impian melanjutkan pengajian ke menara gading menjadi kenyataan apabila terpilih melangkah ke UMP.

"Saya bersyukur kami berdua terpilih belajar di UMP dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses. Peluang yang terhidang ini akan digunakan sebaik mungkin untuk berjaya dalam bidang akademik," katanya.